

Headline	Ulang tahun RTM ke-67		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Bintang	Color	Full Color
Page No	34	ArticleSize	779 cm ²
AdValue	RM 4,285	PR Value	RM 12,854



Ulang tahun RTM ke-67

TV2 siar drama-drama terbaik

Sempena meraikan ulang tahun ke-67, semalam, RTM kembali menyiarkan empat drama yang mendapat sentuhan penerbit di Unit Drama TV RTM iaitu drama *Perempuan* (1 April) dan *Akhirnya Kisah Perempuan* (2 April) arahan Fahmi Sarindi.

Manakala dua lagi diarahkan Kamarudin Ambak iaitu drama *Kawan* (3 April) dan *Dejavu* (4 April). Kesemuanya disiarkan jam 2.30 petang menerusi saluran TV2.

Drama *Perempuan* dijayakan oleh Dira Abu Zahar, Syed Ali, Zoey Tan, Tony Eusoff, Syed Aiman, Rozie Rashid dan Azri Iskandar mengisahkan tentang dua perempuan yang mempunyai latar belakang kehidupan berbeza, berlainan agama dan dugaan dalam hidup mereka.

Pengalaman yang dilalui selama ini menjadi pengajaran buat dua perempuan ini. Namun, apakah pengalaman lalu akan merubah hidup mereka?

Saksikan kemudiannya seksual daripada drama *Perempuan* bertajuk *Akhirnya Kisah Perempuan* mengekalkan pelakon Dira Abu Zahar dan Rozie Rashid di samping Ziela Bakar, Khatijah Tan, Eyka Farhana, Iman Corinne Adrienne, Izzam Shafiq, Tania Zainal dan Ruby Ooi.

Kali ini kisah *Perempuan* muncul semula setelah 12 tahun perjalanan hidup watak-watak utama iaitu Maisarah, Lina, June, Mona dan Christina. *Akhirnya Kisah Perempuan* akan

memfokuskan proses hijrah watak-watak ini dalam kehidupan mereka kiri.

Menyusul kemudiannya drama *Kawan* lakonan Fauziah Nawi, Hilal Azman, Emma Akma, Shieila Mambo dan Fadhil Dani selain gandingan pelakon utamanya, Taiyuddin Bakar dan Shasha Al-Khred juga Adam Shah, Maarup Mustafa dan Fauzi Sulaiman.

Plot kisahnya berlatarkan kehidupan di sebuah perkampungan nelayan dengan keletah Meon dan Salmah, remaja kurang upaya yang amat disenangi masyarakat. Mereka berdua berkwam rapat sejak kecil.

Menerusi *Dejavu* pula, kisah Datuk Munir yang tersesat dalam kemewahan yang dimiliki dan menyebabkan kejadian dejavu menghantui hidupnya.

Drama ini dibintangi oleh Shahronizam, Tasha Aziz, Khatijah Tan, Abu Bakar Juah, Tony Eusoff, Mubarak Majid dan Maimon Talib.

Diari Kampus Biru temukan Tomok, Fita

Sementara itu, dek sikap optimis dengan prospek bidang lakonan yang



Salah satu babak dalam drama *Perempuan*.



Pelakon utama *Kawan*.

membawa penonton menghayati keindahan lokasi penggambaran di Bandung, Sumatera Utara Indonesia, selain lokasi utama penggambarannya dijalankan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan sekitar negeri Kedah.

Diari Kampus Biru mengisahkan hubungan percintaan antara pelajar dari Malaysia dan Indonesia iaitu Zakhrul lakonan Tomok bergandingan dengan Aisha, lakonan Fita yang berdepan dengan pelbagai konflik antara penerimaan keluarga, penolakan masyarakat dan paradoks cinta sayang dan benci merentasi dua negara.

Bercerita mengenai watak Tomok selaku penyandang watak utama, Zakhrul, mainan emosi, perasaan dan jiwa perlu dizahirkan dari dalam dirinya.

Tomok berkata, watak Zakhrul merupakan cabaran yang berat baginya kerana ada beberapa babak yang perlukan dia menengis.

"Tapi, Insha-ALLAH dengan bimbingan pengarah, krew produksi dan pelakon-pelakon lama seperti Wan Maimunah dan Wan Nor Azlin, saya harap dapat memberikan hasil yang terbaik," katanya.

Telefilem ini diterbitkan sepenuhnya Universiti Utara Malaysia (UUM) hasil ilham Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak menerusi Uniutama Management Holding Sdn Bhd iaitu syarikat milik penuh UUM sendiri.

Selain Tomok dan Fita Angela, drama ini turut dibintangi Wan Maimunah, Wan Nor Azlin, Muaz, Nurul Aini, Lee Yeen Nee dan Saiful Amir.



Fita Angela dan Tomok dalam telefilem *Diari Kampus Biru*.

